

NAM sedia ruang dengar suara keamanan rakyat M'sia

KOTA KINABALU: Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Ke-13 yang akan berlangsung di ibu negara dari 20-25 Feb ini akan menyediakan ruang terbaik untuk dunia mendengar suara rakyat Malaysia yang cintakan keamanan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman kelmarin berkata masyarakat dunia telah mendesak agar kuasa besar mentakrif, mencari dan mengatasi punca-punca keganasan, tetapi

desakan ini hanya mendapat pandangan sepi kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Pada masa ini, disebabkan tiada kuasa pengimbang kepada kuasa tunggal iaitu Amerika Syarikat, maka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), dalam tindak-tanduknya mengatasi keganasan, masih mencari-cari formula paling sesuai agar keadilan dan keamanan dapat dipulihkan.

"Oleh itu kita mengharapkan agar melalui Sidang Kemuncak NAM, kita akan dapat menarik

perhatian dunia terhadap suara rakyat berbilang kaum di Malaysia yang cintakan keamanan dan keadilan," katanya ketika merasmikan program Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia peringkat institusi pengajian tinggi awam di kampus UMS, dekat sini.

Beliau berkata walaupun Malaysia dan banyak negara lain bersetuju dengan perang terhadap keganasan, apa yang Malaysia mahukan ialah penyelesaian yang berkekalan dan menyeluruh berdasarkan prinsip keadilan dan kesaksamaan. — Bernama